



AKHBAR	:	KOSMO		MUKA SURAT	:	52
TARIKH	:	1/8/2018				
JABATAN	:	NRE / MACGDI				
KLASIFIKASI	:	<b>PERHATIAN</b>				

## TNB raih anugerah geospatial

**KUALA LUMPUR** - Projek Sistem Maklumat Geospatial (GIS) Bahagian Pembahagian Tenaga Nasional Bhd. (TNB) berjaya merangkul Anugerah Kecemerlangan Geospatial sempena Simposium Maklumat Geospatial Kebangsaan ke-8 di sini baru-baru ini.

TNB berkata, penyertaan bertajuk Memperkasakan Projek GIS di Bahagian Pembahagian TNB ke Arah Grid Masa Depan itu meliputi pelaksanaan sistem untuk dikembangkan sehingga merangkumi lebih

76,000 pencawang dan talian kabel elektrik berjarak 1.3 juta kilometer.

"GIS Pembahagian itu dilancarkan pada tahun lepas bagi membolehkan urusan menganalisis, menyimpan, memanipulasi dan menggambarkan maklumat dalam bentuk spatial (ruang) di atas peta sekaligus meningkatkan kecekapan perkhidmatan," katanya menerusi satu kenyataan semalam.

Anugerah berkenaan disampaikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Air, Tanah dan

Sumber Asli, Datuk Seri Azizan Ahmad kepada Ketua Projek GIS Pembahagian, Fazilah Mat Yatim pada simposium yang bertemakan *Inovasi Geospatial Ke Arah Wawasan Negara* di Putrajaya baru-baru ini.

Acara dwitahunan anjuran kementerian dan Pusat Infrastruktur Data Geospatial Negara itu bertujuan mewujudkan satu medan perkongsian maklumat dan pengalaman melibatkan komuniti geospatial dalam kalangan agensi kerajaan dan swasta di Malaysia. - Bernama



AZIZAN (tengah) menyampaikan anugerah kepada Fazilah (dua dari kanan) pada majlis penyampaian anugerah di Putrajaya baru-baru ini.